

# LAWATAN PELAJAR-PELAJAR ISLAM MALAYA KE INDONESIA

## dan kesan-kesan yang diperolehinya

Pada bulan Ogos yang lalu satu rombongan pelajar-pelajar Islam Malaya telah melawat ke Indonesia dengan tujuan menghubungkan silaturrahim dan menyaksikan kemajuan pelajaran Islam di sana. Kesan-kesan yang didapati dari lawatan itu telah digambarkan oleh saudara Johari Ahmad Pemangku Setiausaha Agung “KEPAS” (Kesatuan Pelajar-Pelajar Islam Se-Malaya) di dalam tulisannya yang kita hidangkan di bawah ini.

-P.Q.

(Oleh: Johari Ahmad)

Pada 20 Ogos 1956 yang lalu, serombongan pelajar-pelajar Islam dari Tanah Melayu ini telah mengadakan lawatan muhibahnya ke Indonesia selama hampir-hampir sebulan, rombongan ini diketuai oleh saudara Jamaluddin Amini, Yang di-Pertua Agung Kesatuan Penuntut-penuntut Agama (Islam) se-Malaya, sedang para beberapa peserta rombongan ini adalah terdiri dari beberapa ahli kesatuan ini sebanyak 9 orang, dari Perlis, Perak, dan Johor, bersama-sama rombongan ini ialah ustaz Taquiuddin Qandil (M.I), nazir Madrasah Uluyah, Arau Perlis, sebagai penolong ketua.

Usaha pertama dari gerakan lawatan ini sebenarnya dilakukan oleh Kesatuan Pelajar-Pelajar Islam Kedah (KEPAK), tetapi manakala kesatuan ini bergabung dengan “KEPAS”, dan secara kebetulan pula yang di-Pertua Agung (saudara Jamaluddin Amini) terlantik menjadi yang di-Pertua Agung “KEPAS” di dalam persidangannya di Klang, tempoh hari, maka usaha-usaha ini seterusnya adalah dilaksanakan atas nama “KEPAS” saja, sementelah lagi kerana memikirkan bahawa “KEPAS” itulah sekarang Persatuan Pelajar Islam Malaya, yang besar yang terbesar di tanah air kita ini manakala yang lain-lain adalah merupakan persatuan

pelajar Islam di dalam daerah, negeri-negeri bahagian sahaja.

Cita-cita cari lawatan ini sebenarnya selain dari hendak memperkenalkan, menyatakan hasrat dari usaha dan gerakan pelajar-pelajar Islam di Tanah Melayu ini yang baru sahaja mula ditubuhkan itu, dan memperhubungkan tali silaturrahim, dengan pelajar-pelajar, mahasiswa-mahasiswa Islam di luar negeri, terutama pelajar-pelajar Islam di Indonesia yang menjadi rakan tetangga kita yang rapat sekali baik sahaja mengenai sejarah dan kebudayaannya, maka adalah juga mempelajari dan menyelidiki akan usaha-usaha kemajuan pelajaran dan pendidikan serta kebudayaan Islam di Indonesia itu. Mudah-mudahan dari sini dapatlah dijadikan contoh tauladan mana yang baik, bagi meningkatkan taraf pelajaran dan pendidikan Islam di tanah air kita ini khususnya dan soal-soal Islam umumnya.

Rombongan ini mula tiba di tanjung Priok (di Jakarta), pada 27 Ogos 1956, melalui Singapura, sampainya di sini mereka disambut oleh panitia sambutan khas yang diketuai oleh “HMI” (Himpunan Mahasiswa-Mahasiswa Islam Indonesia), dan

dari sinilah rombongan ini mula melaksanakan tugasnya dan menjalankan kunjungan itu yang diatur oleh pihak “HMI” itu.

Di Jakarta selain daripada mengadakan lawatan ke universiti-universiti pemerintah Indonesia, dan juga sebuah universiti Islam, serta beramah-tamah dengan mahasiswa-mahasiswanya dan bertukar-tukar fikiran maka rombongan ini tidak ketinggalan pula mengadakan beberapa pertemuan dengan beberapa pemimpin Islam dari beberapa parti, antaranya yang terbesar: Masyumi, Nahdatul Ulama, Partai Sarekat Islam Indonesia dan bertukar-tukar fikiran dengan mereka.

Dari Masyumi bolehlah dikatakan rombongan ini sempat berjumpa dengan sebilangan besar pemimpin-pemimpinnya, di dalam rapat-rapat yang tertentu, antara lain, Tuan Mohammad Natsir, Mr Burhanuddin Hararap (bekas Perdana Menteri), Mr Syafaruddin Perwiranegara, dan dari Nahdatul Kiyai Haji Ilyas (Menteri Agama).

Mengenai usaha pendidikan terutama pendidikan Islam di Indonesia, dapatlah dikatakan di sini bahawa pendidikan Islam di Indonesia sekarang, adalah jauh lebih maju daripada pendidikan Islam di tanah air kita ini, dan dengan tidak berniat hendak memberi pujian yang bukan-bukan, dapatlah dikatakan bahawa pendidikan Islam yang dijalankan di Indonesia sekarang itulah sebenarnya cara pendidikan yang dapat membentuk pemuda-pemudi Islam untuk bekerja bagi dunia dan akhirnya sekali.

Rombongan melihat usaha pendidikan Islam itu adalah lebih banyak menitikberatkan soal-soal pengetahuan umum, soal-soal kehidupan dunia *international*, soal-soal pemerintahan negara dan sebagainya lagi dengan tidak meninggalkan pelajaran-pelajaran Islam sendiri: Fiqah, Tauhid, Akhlak, Tafsir, Hadis dan sebagainya, malahan

dapatlah ditegaskan di sini bahawa mata pelajaran Islam itu tetaplah merupakan asas yang kuat sekali yang di atasnya dibina mata pelajaran umum dunia sekarang, melalui bahasa kebangsaan: bahasa Indonesia!

Jadi, seseorang pelajar Islam di Indonesia umumnya, jika ia berjaya dalam pelajarannya maka adalah dia mendapat kejayaan dalam soal-soal pelajaran, untuk kehidupan dunianya dan juga untuk akhirnya. Di sinilah pada hemat rombongan, terletak perbezaan yang jauh antara kita pelajar-pelajar Islam di Malaya dengan pelajar-pelajar Islam di Indonesia itu, kita seringkali mendapat pelajaran Islam dalam bahagian ‘*ubudiyah*’, semata-mata, sedang dalam bahagian umum masih banyak ketinggalan. Rombongan memandang bahawa pelajar-pelajar Islam di Indonesia. Setelah tamat, sudah dapat pergi ke tengah-tengah kelengkang masyarakat bangsanya, menentukan nasib negaranya, maka kita sini masih lagi merupakan golongan yang lemah yang hanya sempat melihat kemajuan-kemajuan yang diusahakan oleh orang-orang sahaja dalam masyarakat kita, sedang kita masih tinggal di dalam gopong-gopong buruk yang sempit, dan menyeksakan nafas kita sendiri.

Kita mengharapkan, hal ini segera terhapus dengan usaha-usaha oleh pihak yang berkenaan, dan kita ingin melihat bahawa nanti lahirnya usaha-usaha pembangunan ke arah membentuk sistem pendidikan Islam sebenarnya, yang segar, dan dapat menjamin kedudukan kita pelajar-pelajar Islam di tengah-tengah pergolakan masyarakat di tanah air kita ini.

Mengenai usaha pergerakan organisasi mahasiswa-mahasiswa Islam yang berdasarkan “sosial-kebijakan” di sana sesungguhnya amat menarik perhatian sekali, sebanyak 15 buah organisasi yang sempat pihak rombongan mengadakan pertemuan dengan pihak pemimpin-pemimpin di antara lain yang terbesar seperti: (Himpunan Mahasiswa-Mahasiswa

Islam Indonesia), IPNO (Ikatan Pelajar Nahdatul Ulama), P.I.I (Pelajar Islam Indonesia), *al-Irshād*, dan lain-lain lagi dan pertubuhan-pertubuhan itu adalah bergabung pula ke dalam satu pertubuhan bersara bernama: “PORPISI”, (Persyarikatan Organisasi-organisasi Pemuda Islam Seluruh Indonesia) berpusat di Jakarta.

Tiap-tiap pertubuhan masing-masing giat dalam usaha memperjuangkan kebajikan ahli-ahlinya, dengan mengadakan beberapa rancangan kerja yang teratur, pelaksanaan yang konkrit, sebagaimana juga tiap-tiap pertubuhan ini berusaha pula mengadakan perhubungan-perhubungan *international*, dengan menghantar beberapa orang wakil organisasinya pada tiap-tiap tahun bagi melawat, meninjau, mempelajari perkara-perkara yang berkenaan di luar negeri terutama di dalam negara-negara yang menjadi anggota “Afro-Asia”.

Demikianlah pula dengan soal-soal tanah air mereka sendiri, mereka giat sekali memberi kerjasama, misalnya dalam soal pemilihan umum bagi memilih anggota-anggota (Dewan Perwakilan Rakyat) dan anggota-anggota kabinet, dalam pemerintahan Indonesia, untuk membuktikan lagi mengenai pertubuhan pelajar-pelajar dan mahasiswa-mahasiswa Islam ini, eloklah juga disebut di sini sebuah daripadanya yang dinamakna (Himpunan Mahasiswa-mahasiswa Islam Indonesia). pertubuhan inilah sebenarnya, oleh ahli-ahli rombongan dari kesatuan pelajar-pelajar Islam Malaya ini menjadi tetamu kepadanya, sejak dari mula hinggalah sewaktu kembalinya dengan cara yang memuaskan sekali, segala sesuatu soal seperti kunjungan, penginapan, dan sebagainya adalah diusahakan oleh pertubuhan ini, di mana-mana sahaja rombongan ini melawat (dari Jawa Barat, Tengah, dan Jawa Timur), diikuti oleh Setiausaha sendiri sebagai ketua protocol, kepada anggota-anggota rombongan.

“HMI” ini ialah sebuah pertubuhan yang ahli-ahlinya adalah dari semua mahasiswa-mahasiswa yang beragama Islam, (putera, puteri), di seluruh kepulauan Indonesia. Dari beberapa universiti, sama ada universiti yang didokong oleh pemerintah, atau tidak (usaha-usaha rakyat) yang terdiri pula dari beberapa fakultas, dan ahli-ahlinya itu mengikut yang dinyatakan selama ini mempunyai sebanyak 5,000 orang, dan bagi menyalurkan cita-cita kumpulan ini maka diadakan sebuah majalah khas bernama “Media”, yang selalu pula kita dapat tukar-tukar buku tanah air kita ini.

Kecergasan pelajar-pelajar dan mahasiswa-mahasiswa Islam di sana tidak membeku dengan buku-buku pelajarannya semata-mata, mereka tidak mempunyai simbol: “Belajar di samping bergerak”, belajar dan bergerak, bergerak dan belajar, semasa rombongan berada di Indonesia dapatlah rombongan melihat bagaimana cergas dan cekapnya sekali mereka menjalankan kerja-kerja pertubuhan mereka, sesuatu pelaksanaan, adalah berdasarkan kepada teknik dan strategi yang teratur. Tidak beberapa dahulu sebelum datangnya rombongan ini mereka berjaya mengadakan satu *conference* besar mahasiswa-mahasiswa Asia-Afrika di Bandung itu, demikianlah kerjasama yang rapat antara pertubuhan-pertubuhan mereka yang didokong kuat pula bersama-sama itu oleh pihak “HMI” tadi. Dan mengikut seperti yang diterangkan kepada rombongan, mereka sekarang giat pula berusaha bagi mengadakan satu persidangan yang lebih besar lagi: Persidangan pemuda-Pemuda Islam Sedunia.

Memudalah secara ringkas, kami bentangkan soal-soal pertubuhan pelajar-pelajar dan mahasiswa-mahasiswa Islam Indonesia dan

sekarang marilah pula kita meninjau gerakan pemudanya. (Gerakan pemuda Islam) Sebenarnya di Indonesia seperti mana juga mahasiswa-mahasiswa Islam tadi giat dengan usaha pelajaran dan pertubuhannya, maka demikianlah dengan keadaan pemuda-pemuda Islam (pemuda-pemuda Islam yang dimaksudkan di sini ialah orang-orang yang tamat belajar, atau yang sudah tidak belajar), pemuda-pemuda Islam Indonesia pun mempunyai organisasi yang tersendiri, antaranya seperti: G.P.I.I (Gerakan Pemuda Islam Indonesia), organisasi ini sangat besar tenaganya, ia bukan lagi merupakan pertubuhan pelajar atau mahasiswa, yang berdasarkan kebajikan semata-mata, tetapi lebih tinggi daripada itu, nahkan dapatlah dikatakan sejajar dengan parti politik Islam Indonesia sendiri, sekarang Gerakan Pemuda Islam Indonesia ini dan juga pertubuhan-pertubuhan pemuda Islam yang lain sepertinya, masing-masing mempunyai wakil dalam Parlimen Indonesia (Dewan Perwakilan Rakyat). Dan sekarang ada baiknya kami menerangkan kesan-kesan yang kami dapat mengenai perkembangan dan kemajuan-kemajuan kebudayaan Islam di Indonesia. Rombongan ini dapati bahawa kebudayaan Islam di Indonesia pun turut mengambil peranannya yang terpenting, umpamanya sahaja mengenai soal sastera Islam, rombongan ini mendapati banyak buku-buku dan majalah sastera Islam yang dikeluarkan. Di Jakarta rombongan dapat pula melihat satu usaha yang amat bernilai, yang dibuat oleh para bijak pandai Islam, dan para pemimpin Islam iaitu mengadakan satu tempat pengajaran yang dinamakan: "Yayasan Ibn Khaldun", mendengar nama Ibn Khaldun sahaja, tentulah kita semua faham, ke mana dan apa tujuan yayasan ini, iaitu: Berusaha memberi faham yang luas, mendalami soal-soal pelajaran, pendidikan dan kebudayaan Islam. Pun di sini terdapat pula mata pelajaran:

ilmu wartawan, politik, politik sastera.

Tiap-tiap orang yang mengambil bahagian di sini tentulah semuanya ahli dalam bahagian itu. Semua calon-calon pelajar akhirnya jika berjaya dapat juga memegang *title* B.I.M.I. hingga kepada doktor. Orang-orang yang berusaha memberi pelajaran ini antara lain: Bapa Mohammad Natsir pemimpin Islam Indonesia yang terkenal, HAMKA pujangga Islam Indonesia, Mr Mohammad Roem, ahli politik Indonesia, Dr Abu Hanifah, ahli kebudayaan Islam- falsafah Indonesia, dan lain-lain lagi bijak pandai yang kenamaan. (Semoga akan ada pula seperti ini di tanah air kita).

Rombongan ini sampai juga kepada cita-citanya bermula iaitu mengadakan lawatan khas ke Yogyakarta. Sesampainya di sini rombongan sudah disambut oleh "HPMI" (Himpunan Pelajar-pelajar Melayu Indonesia) terasa benarlah betapa mesra pertemuan ini, maklumlah sama-sama datang dari sebuah negara, di sini banyak juga diadakan pertemuan-pertemuan, dan bagi pihak "IPNO" (Ikatan Pemuda Nahdatul Ulama') diadakanlah satu pertemuan di dalam Masjid Syuhada, di mana diadakan satu istiadat menerima hadiah "bendera IPNO" sebagai tanda mahabbah pelajar-pelajar Islam Indonesia kepada rombongan "KEPAS" di Jogja. Rombongan- dalam pada itu- sempat pula melawat ke Universiti Gadjah Mada dan oleh ketua rombongan, saudara Jamaluddin Amini, sempat pula berjumpa dengan presiden Gadjah Mada, dan bertukar-bertukar fikiran dengannya, terutama dalam soal-soal pelajaran dan hasrat pelajar-pelajar Melayu yang hendak ke Indonesia. Mengikut yang dapat difaham, pihak Gadjah Mada, amat gemar sekali untuk menerima pelajar-pelajar yang akan menyambungkan pelajaran di Gadjah Mada, dan dalam hemat rombongan tentulah pelajar-pelajar yang berkeelayakkan penuh, di Gadjah Mada ini tidak ada pelajaran Islam, di sini terdapat beberapa bahagian fakultas:

kedoktoran, hukum dan sosial, sastera, falsafah, teknik, dan kedoktoran haiwan. Calon-calon pelajar haruslah berijazah S.M.I (sekolah menengah atas), atau yang setaraf dengannya. Rombongan bertuah benar kerana dapat berjumpa dengan sebilangan pelajar-pelajar Islam dari tanah air; mereka itu sekarang lelaki dan perempuan seramai 25 orang, kebanyakan dari mereka adalah datang dari Kelantan, dan bolehlah dikatakan banyak di antara mereka yang belajar di P.T.I. I.N (Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri). Umumnya pelajaran-pelajaran di sini adalah pelajaran-pelajaran agama, antara mata pelajarannya samalah seperti mata pelajaran di sekolah-sekolah menengah Islam di negeri kita: Bahasa Arab, Tafsir, Hadis, Fiqah, Tauhid dan sebagainya lagi, tetapi sebagaimana yang dikatakan tadi, bahawa pelajaran-pelajaran umum tidak juga ketinggalan ekonomi, hukum, falsafah, ilmu kemasyarakatan dan sebagainya. Sedikit sangat pelajar-pelajar kita dalam Gajah Mada, kecuali seorang dua dari Singapura dan seorang dari Kelantan, (mengikut catitan yang diberi).

Dalam masa di Jogja, sampai pula rombongan melawat ke Universiti Islam Indonesia. Universiti ini bukanlah didirikan oleh pemerintah, ia dibentuk oleh Badan Wakaf Muslimin Indonesia, tetapi dapat dikatakan bahawa tetaplah bahawa sebuah universiti Islam yang besar dan dapat dibanggakan, keluarlah daripadanya samalah dengan kelulusan sekolah tinggi pemerintah Indonesia yang lain. Presidennya ialah bapak Prof Abdul Kahar Muzakkar, yang berjasa membangunkannya itu, dan memperkenalkan Indonesia kepada dunia Islam semasa revolusi Indonesia. (Baharu-baharu ini beliau telah datang ke Tanah Melayu, dan memberi ceramah-ceramahnya di banyak tempat. Kedatangannya mengikut yang difahamkan diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam Kelantan).

Di universiti Islam ini didapati beberapa fakultas, antaranya: Hukum, ekonomi dan sastera. Mata pelajaran Islam dan juga mata pelajaran dunia *international* sekarang seperti: huku Islam, tatanegara, hukum eropah dan lain-lain. Bahasa pengantar ialah Indonesia, dan demikian bolehlah dikatakan bahawa umumnya bahasa pengantar di sekolah tinggi Indonesia ialah bahasa Indonesia. Akhirnya setelah membuat kajian-kajian dan penyelidikan itu sebagaimana yang dibentangkan di atas (walaupun tidak begitu meliputi semua soal, oleh kerana memandang dan menjaga ruangan majalah ini) inginlah kami di sini kepada pihak-pihak yang berkenaan di tanah air kita ini yang kami harapkan pula dapatlah memberi pertimbangan dengan saksama:

1. Sistem pelajaran Islam di Tanah Melayu, hendaklah disusun begitu rupa, hingga benar-benar menjamin pelajar-pelajar dalam kehidupan bermasyarakat, dan untuk ini supaya beberapa peraturan baik diambil dari Indonesia, dengan membuat kerjasama-kerjasama yang lebih erat.
2. Kami usulkan supaya sekolah-sekolah Islam sekarang hendaklah mempraktikkan dalam soal pelajaran umum atas dasar pelajaran dan ajaran Islam.
3. Kami minta supaya buku-buku Islam Indonesia, banyak dibawa ke Malaya, dan dijadikan bacaan di sekolah-sekolah Islam.
4. Oleh kerana semasa kami di Indonesia, kami dapati bahawa pelajar-pelajar Islam dari Tanah Melayu adalah menemui beberapa kesulitan rumah dan juga soal pengiriman wang, kami minta kepada kerajaan dan juga kepada

pihak-pihak yang berkenaan lain, supaya memberi pertimbangan saksama dan segera dalam soal perbaikan ini, kami minta supaya kerajaan segera mengadakan rumah tumpangan pelajar-pelajar Islam Melayu di Indonesia, dan juga kami minta supaya soal kesulitan pengiriman wang itu segera diselesaikan oleh pemerintah kita dengan pemerintah Indonesia. (Peringatan semasa di Indonesia, saudara ketua rombongan ini ada membawa perkara di atas ini kepada pihak-pihak yang berkenaan, seperti: pejabat-pejabat agama, walaupun rombongan mendapat jawapan bahawa perkara kesulitan itu akan diatasi, tetapi rombongan memandang ada lebih baik dan tepatnya kita di sini lebih dahulu mengadakan usaha-usaha

perbaikan itu).

5. Kami harapkan kerjasama yang lebih rapat antara pemerintah kita, dan juga ulama-ulama serta bijak pandai kita di sini dengan pemerintah, ulama-ulama, dan bijak pandai di Indonesia, mengenai soal-soal pelajaran, pendidikan dan kebudayaan.

Peringatan: Pelajar-pelajar Islam, terutamanya yang bercita-cita menyambung pelajaran ke Indonesia (oleh kesempatan majalah ini), bagi pihak "KEPAS", sedia memberi penerangan yang lebih lanjut mengenai sistem pelajaran dan Pendidikan Islam di beberapa Universiti Islam Indonesia dan segala yang bersangkutan dengannya.



*“Abdullah Harimau! Demikian namanya pensyarah comel ini. Abdullah- murid Madrasah Lorong Tai Singkelihatan sedang bersyarah dengan petahnya di Majlis Syarahan Jam’iat Andaqwah al-Islāmiyyah Singapura kerana merayakan hari Maulid Nabi yang berharga. Di sebelahnya kelihatan al-Ustāz Abu Bakar Ali.*